

23 OCT 1998

Belanjawan-Reaksi (Dompok)

BELANJAWAN MAMPU GALAK PERTUMBUHAN EKONOMI, KATA DOMPOK

KOTA KINABALU, 23 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini berkata Belanjawan Negara 1999 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah belanjawan baik serta mengutamakan penggalakan pertumbuhan ekonomi.

Belanjawan defisit berkenaan juga menentukan supaya sektor ekonomi negara ini mendapat suntikan kewangan daripada sumber-sumber yang tertentu.

Pada masa yang sama, belanjawan itu turut menunjukkan Malaysia masih mengamalkan pasaran bebas dan ini sekaligus membetulkan salah tafsiran segelintir pihak kononnya Malaysia mahu mengasingkan diri apabila melaksanakan kawalan modal, katanya.

"Ini bermakna Malaysia tidak lari daripada dasar ini seperti yang disalah tafsir oleh segelintir pihak luar," katanya kepada pemberita di kediamannya selepas mengikuti pembentangan Belanjawan itu yang disiarkan secara langsung di kaca televisyen hari ini.

Mengenai kesan Belanjawan itu terhadap pembangunan di Sabah, beliau berkata ia memberikan pelbagai insentif yang baik bagi pertumbuhan pelbagai sektor, khususnya pelancongan dan pertanian di Sabah.

"Kita bangga kerana Perdana Menteri turut menumpukan usaha pembangunan sektor ekonomi yang berasaskan sumber seperti pertanian dan pelancongan yang merupakan satu sektor-sektor produktif bagi negeri Sabah," katanya.

Sebagai contoh, Dompok berkata galakan pengecualian cukai kepada ejen pelancongan yang membawa masuk pelancong asing lebih daripada 1,200 orang akan memberi keuntungan kepada Sabah yang mempunyai banyak tarikan pelancongan.

"Ia adalah galakan yang baik dan bagi Sabah yang mempunyai kira-kira 10,000 bilik hotel, ia akan memesatkan pertumbuhan industri pelancongan negeri," katanya.

Dompok turut mengalu-alukan peruntukan prasarana bagi Sabah yang sememangnya memerlukan perbelanjaan yang besar untuk meningkatkan kemudahan itu.

-- BERNAMA

JS NAK